



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGANALISA SISTEM KANAN (B.3)  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGANALISA SISTEM KANAN  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Computing and System Development / Computer Network and Security / Communication and Computer System Engineering / Computer Forensic / Data Analytic / Information and Communication Technology / Internet Computing / Computing / Network Engineering / Software Engineering / Teknologi Maklumat* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem atau Jurutera Sistem atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) **Bagi yang tidak mempunyai ijazah** hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem atau Jurutera Sistem atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab dalam memantau dan memastikan kualiti dan prestasi pengurusan fungsi dan perkhidmatan *Information and Communication Technology (ICT)* dijalankan dengan jujur, cekap, amanah dan sempurna mengikuti dasar dan amalan baik dan juga perkara-perkara seperti di bawah ini:



1. Memantau / memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan *ICT* dijalankan dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan;
2. Membantu Pengurus Sistem dalam mengurus fungsi dan perkhidmatan Pusat Teknologi Maklumat dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab Pusat tersebut yang meliputi perkara-perkara seperti berikut:
  - a. *Customer Relationship Management* antaranya perkhidmatan *call centre, help desk, service level*.
  - b. Infrastruktur yang meliputi pembangunan, perkembangan, pemeliharaan sistem-sistem aplikasi utama dan kandungan sistem maklumat lainnya.
  - c. Mengetuai pengendalian operasi termasuk prasarana rangkaian 24 x 7 *Operation System Administration, Networks, Security and Facilities*.
  - d. Membantu dalam penyediaan pelan induk bagi pelaksanaan projek-projek E-Kerajaan.
  - e. Menganalisa keberkesanan cadangan projek-projek E-Kerajaan.
3. Menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*best practices*); dan
4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.